

**PKR: Presiden MCA 'sasar' di pokok yang salah**  
**Malaysiakini.com**  
**Apr 29, 2011**

PKR hari ini membidas presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek yang mencabar parti itu supaya mengubal perlembagaan persekutuan dan menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu.

Selain menuduh Chua sebagai 'perkauman', pengarah komunikasi PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata pemimpin parti Cina itu telah 'menyalak pada pokok yang salah'.

"Kedudukan kami amat jelas. Malah dalam Buku Jingga, kami bersepakat menerima kedudukan Raja-raja Melayu, bahasa Melayu dan sebagainya. Pakatan tidak mempunyai masalah mengenainya.

"Tetapi kita ada masalah dengan ketuanan Melayu yang kita tolak dan mahu ia digantikan dengan ketuanan rakyat. Jika (Chua) Soi Lek mahu mencabarnya, biar dia berunding dengan PERKASA," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat PKR di Petaling Jaya, hari ini.

Sebuah video baru-baru ini dimuat-naik di laman Youtube rasmi milik MCA yang memaparkan Chua berkata beliau akan menjadi orang pertama mengundi PKR jika parti itu 'membatalkan hak Melayu'.

"Jika PKR berani gubal perlembagaan dan hapuskan hak keistimewaan Melayu, saya adalah orang pertama angkat tangan untuk undi PKR," katanya dalam video berkenaan.

Chua berkata demikian dalam bahasa Cina tetapi terdapat sarikata bahasa Inggeris dalam video yang dimuat-naikkan pada Rabu lalu yang diselangi dengan kesan muzik yang dramatik.

Untuk itu, Nik Nazmi menuduh Chua bersikap perkauman kerana mahu mencabar perlembagaan persekutuan sekarang ini.

"Orang tuduh Pakatan, (ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan DAP mahu 'menjual hak Melayu.' Tetapi ini, sebuah parti komponen BN mahu perlembagaan dipinda. Jika saya dalam BN, saya akan minta beliau perjelaskan kenyataannya itu," kata Nik Nazmi.

Sementara itu, naib presiden PKR Tian Chua berkata Chua tidak mempunyai asas untuk mencabar PKR kerana beliau bukan anggota parti itu. Beliau sebaliknya mencar presiden MCA itu membawa perkara berkenaan ke mesyuarat majlis tertinggi BN.

"Beliau patut mulakan di partinya sendiri dan lobi di kalangan parti BN... atau mungkin dia cuba tubuhkan PERKASA versi Cina?" soal Tian.